

Gen Z Tanggapan dan Pemikiran dalam Pengajian Melayu

Penyunting:

Tengku Intan Marlina Mohd Ali¹, Madiawati Mamat@Mustaffa²,
Maizira Abdul Majid³

E-mel:

inmarlin@um.edu.my¹, atie@um.edu.my², maizira@um.edu.my³

Abstrak: Generasi Z membesar dalam dunia yang semuanya berhubung menerusi teknologi. Lantaran itu, mereka lebih mesra untuk berkomunikasi secara maya. Malahan generasi ini dikatakan kurang mempunyai kemahiran komunikasi serta kurang kemahiran interpersonal.”

Justeru itu, buku Gen Z Tanggapan dan Pemikiran dalam Pengajian Melayu mengemukakan perbincangan pemikiran dan gaya hidup Generasi Z dari pelbagai perspektif dalam dunia Pengajian Melayu yang merangkumi pelbagai bidang seperti sastera, bahasa, seni dan budaya. Isu yang diketengahkan dalam buku ini bersifat semasa yang berhubungan rapat dengan Generasi Z.

Antara isunya adalah tentang gaya hidup Generasi Z dalam dunia teknologi, aspek komunikasi, kesesuaian pengajaran dan pembelajaran, penerapan pendidikan Islam dan Generasi Z dalam dunia sastera. Kesemua isu ini merupakan teras pembangunan dan pembentukan Generasi Z yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Membaca kajian dalam buku ini juga secara tidak langsung dapat mengenali pemikiran, karekter dan keperluan Generasi Z yang sangat penting dalam mencorakkan masa depan masyarakat dan negara pada masa akan datang.

Kata kunci: Elektronik, media sosial, pembahagian, pemikiran, teknologi

GEN





Tanggapan dan Pemikiran dalam Pengajian Melayu

EDITOR

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali
Madiawati Mamat@Mustaffa
Maizira Abdul Majid


**Penerbit
UTM**





*Tanggapan dan Pemikiran
dalam Pengajian Melayu*

EDITOR

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali
Madiawati Mamat@Mustaffa
Maizira Abdul Majid



© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2022

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

GEN Z : Tanggapan dan Pemikiran dalam Pengajian Melayu /

EDITOR Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Madiawati Mamat@Mustaffa,
Maizira Abdul Majid.

ISBN 978-967-0061-21-4

1. Generation Z.

2. Generations in literature.

3. Malay literature.

4. Government publications--Malaysia.

I. Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali, 1971-.

II. Madiawati Mamat@Mustaffa, 1975-. III. Maizira Abdul Majid, 1977-.
305.23

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
No. Tel: 07-453 8698 / 8529
No. Faks: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>

E-mel: pt@uthm.edu.my

<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah anggota
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia
(MAPIM)

KANDUNGAN

Prakata	ix
 BAB 1	
Pemikiran Generasi Z dalam <i>Kumpulan Cerpen Kimchi</i> (Antologi Cerpen Mahasiswa) <i>Eizah Mat Hussain, Nur Hamizah Hashim, Asbah Razali</i>	2
 BAB 2	
Hubungan Islam dalam Pendidikan dengan Generasi Z dan Karya Sastera Melayu <i>Kamariah Kamarudin</i>	32
 BAB 3	
Kelangsungan Sastera Elektronik dalam Generasi Z <i>Madiawati Mamat@Mustaffa, Rohayati Junaidi</i>	64
 BAB 4	
Interaksi Simbolik dalam Komunikasi Generasi Z melalui Filem Melayu Terpilih <i>Maizira Abdul Majid, Nur Yuhanis Mohd Nasir</i>	82
 BAB 5	
Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Penulisan Kesusasteraan Remaja dalam Generasi Z <i>Nurhamizah Hashim, Eizah Mat Hussain, Asbah Razali</i>	108

BAB 6

Keperluan Pembinaan Perisian Kursus bagi Generasi Z dalam Pembelajaran Bahasa Melayu	116
--	-----

Nurul Haniza Samsudin, Puteri Roslina Abdul Wahid, Nurul Fatin Zulkarnaini, Nur Azimah Mohd Bukhari, Mohd Firdaus Jafranee

BAB 7

Kerelevanan Program Bahasa Melayu di Universiti Awam dalam Era Generasi Z	132
---	-----

Maslida Yusuf, Salinah Jaafar, Karim Harun, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Rusmadi Baharuddin

BAB 8

Seorang Penyair Merenung Zaman	168
--------------------------------	-----

Muhammad Haji Salleh

BAB 9

Generasi Z dalam Novel Kanak-Kanak Penulis Tunas Super	202
--	-----

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Madiawati Mamat@Mustaffa, Rohayati Junaidi

Bab 10

Rasa Insaniah dalam Cerpen-Cerpen Generasi Z di Malaysia	220
--	-----

Ummi Hani Abu Hassan, Nor Raudah Hj Siren

BAB 11	
<i>Media Sosial dan Generasi Z</i>	242
<i>Nur Yuhanis Mohd Nasir, Maizira Abdul Majid</i>	
Biodata Editor Buku	261

PRAKATA

Bismillahirrahmanirrahim

Dengan Nama Alah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, keluarga, sahabat dan umat Baginda sehingga hari kiamat.

Dengan rahmat dan kasih sayang Allah, maka buku ini dapat diterbitkan oleh Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Buku ini merupakan hasil penyelidikan daripada **Geran Penyelidikan Khas (Buku) Fasa 1/2018 bagi Kluster Penyelidikan Social Advancement & Happiness Universiti Malaya**. Kami merakaman jutaan terima kasih atas sokongan kewangan oleh pihak **Kluster Penyelidikan Humanities, Universiti Malaya** menerusi geran bernombor **SG002-18HNE**. Tajuk program penyelidikan kami ialah Pengajian Melayu Dalam Era Generasi Z. Maka dengan ini lahirlah buku yang bertajuk **“GEN Z Tanggapan dan Pemikiran dalam Pengajian Melayu”** ini.

Buku ini secara umumnya mengumpulkan ilmu yang memfokuskan kepada tajuk program penyelidikan kami. **Bab 1** dalam buku ini ialah Pemikiran Generasi Z dalam *Kumpulan Cerpen Kimchi* (Antologi Cerpen Mahasiswa) oleh Eizah Mat Hussain, Nur Hamizah Hashim dan Asbah Razali yang membincangkan tentang pemikiran remaja yang terdapat dalam antologi cerpen yang ditulis oleh mahasiswa yang mewakili generasi Z. Kajian yang menggunakan kaedah kepustakaan dengan analisis teks mendapati bahawa pemikiran yang cuba ditonjolkan oleh pengarang generasi Z adalah pelbagai, antaranya ialah pemikiran kasih sayang, isu-isu semasa dan gambaran masyarakat. Kepelbagaiaan isu yang dikemukakan melalui cerpen-cerpen yang ditulis oleh generasi Z ini, memperlihatkan bahawa generasi Z juga mengambil berat dan peka tentang isu-isu semasa yang berlaku di sekitarnya.

Kamariah Kamarudin dari Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, pula mengkaji tentang Hubungan Islam dalam Pendidikan dengan Generasi Z dan Karya Sastera Melayu. **Bab 2** meneliti lima langkah yang diajukan oleh Abdullah Nasih Ulwan yang merangkumi aspek teladan, kebiasaan, nasihat, pengawasan dan hukuman dalam pendidikan untuk membentuk keperibadian anak-anak. Selain itu juga, kajian ini meneliti sejauh mana kelima-lima langkah tersebut disejajarkan terhadap generasi Z dan fungsi karya sastera Melayu dapat membangun institusi kekeluargaan khususnya dalam mencorak identiti mulia kepada insan Kamil (sempurna) bagi kesejahteraan dan keharmonian kehidupan. Berdasarkan kajian tersebut, jelas memperlihatkan bahawa karya sastera Melayu yang bertunjangan kebaikan, kebenaran dan keindahan dalam Islam dapat menyuntik semangat ibu bapa bagi mendidik anak-anak khasnya merungkai kemelut generasi Z hari ini.

Madiawati Mamat @ Mustaffa dan Rohayati Junaidi dalam **Bab 3** yang bertajuk Kelangsungan Sastera Elektronik dalam Generasi Z pula membicarakan tentang kelangsungan sastera kanak-kanak dalam generasi Z dengan tumpuan penggunaan media baharu. Artikel ini membincangkan aspek bentuk-bentuk karya sastera elektronik dan kelangsungannya dalam generasi Z. Kajian yang menggunakan gabungan kaedah kualitatif dan kuantitatif mengedarkan soalan-soal selidik kepada 25 orang pelajar yang tergolong dalam generasi Z bagi mendapatkan pandangan dan pendapat golongan berkenaan terhadap kelangsungan sastera elektronik di atas talian. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa penghasilan karya sastera elektronik perlu dipergiatkan dan dilihat semula kerana mampu menarik minat membaca generasi Z. Penggunaan elemen multimedia dalam penghasilan sastera elektronik selari dengan kecenderungan generasi Z yang meminati pembelajaran secara visual dan membesar bersama pesatnya teknologi.

Bab 4 oleh Maizira Abdul Majid dan Nur Yuhani Mohd Nasir yang bertajuk Interaksi Simbolik dalam Komunikasi Generasi Z Melalui Filem Melayu Terpilih mengkaji tentang penggunaan teknologi sebagai wadah komunikasi dan interaksi di antara golongan generasi Z. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian terhadap tiga buah filem Melayu sebagai korpus kajian, iaitu *Manisnya Cinta di Cappadoccia*, *Pekak* dan *Aliff dalam 7 Dimensi*. Ketiga-tiga buah filem ini dikaji berdasarkan

teori interaksi simbolik bagi menghuraikan makna disebalik sesebuah peristiwa komunikasi yang terjadi dalam babak-babak filem Melayu yang dikaji yang memberi fokus kepada komunikasi dan interaksi non-verbal antara golongan generasi Z dalam korpus kajian, merumuskan tentang komunikasi dan interaksi antara golongan masyarakat pada zaman dan generasi berbeza yang dicerminkan dalam filem Melayu, serta bagaimana penggunaan teknologi telah merubah cara generasi Z berkomunikasi antara satu sama lain.

Penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan oleh generasi Z dapat dilihat dalam **Bab 5** oleh Nurhamizah Hashim, Eizah Mat Hussain dan Asbah Razali yang bertajuk Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Penulisan Kesusasteraan Remaja dalam Generasi Z. Intipati artikel ini adalah membincangkan cara mengaplikasikan teknologi digital dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Penulisan Kesusasteraan Remaja yang merupakan salah satu kursus diajar di Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Beberapa aplikasi teknologi yang digunakan dalam PdP antaranya seperti aplikasi SPeCTRUM, *WhatsApp*, *Padlet*, *Facebook*, *Telegram* dan sebagainya. Kesemua kaedah P&P secara moden ini berpotensi untuk meningkatkan kemampuan mahasiswa menguasai hasil pembelajaran bagi kursus Penulisan Kesusasteraan Remaja.

Bab 6 pula bertajuk Keperluan Pembinaan Perisian Kursus Bagi Generasi Z dalam Pembelajaran Bahasa Melayu oleh Nurul Haniza Samsudin, Puteri Roslina Abdul Wahid, Nurul Fatin Zulkarnaini, Nur Azimah Mohd Bukhari dan Mohd Firdaus Jafranee pula memperlihatkan kajian tentang pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan Generasi Z yang memfokuskan kepada pelajar pertukaran dari Korea Selatan dan China di Akademi Pengajian Melayu. Kajian ini dijalankan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada 24 orang pelajar pertukaran tersebut untuk mengenal pasti dan menganalisis aspek keperluan dalam pembinaan perisian kursus bahasa Melayu. Kajian yang menggunakan pendekatan analisis keperluan oleh Brown (2009) yang merupakan gabungan daripada tiga analisis keperluan lain, iaitu Schutz & Derwing (1981), Jordan (1997), dan Graves (2000), dan Brown (2009) mendapati bahawa aspek keperluan yang perlu dipenuhi oleh pereka bentuk perisian ialah kandungan topik yang tersusun, berperingkat, dan mempunyai maklumat

yang mencukupi untuk membantu pembelajaran sendiri. Pada masa yang sama, elemen kebudayaan perlu diterapkan dalam pembinaan perisian supaya Generasi Z ini mempelajari budaya, dan masyarakat Malaysia secara tidak langsung dalam pembelajaran bahasa mereka.

Seterusnya **Bab 7** yang bertajuk “Kerelevanan Program Bahasa Melayu Di Universiti Awam Dalam Era Generasi Z” yang ditulis oleh Maslida Yusuf, Salinah Jaafar, Karim Harun, Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Rusmadi Baharuddin, meneliti kurikulum program pengajian bahasa Melayu untuk melihat tanggapan majikan dan pelajar terhadap program ini yang akhirnya akan membina penandaarasan/standard pengajian bahasa Melayu di universiti-universiti yang menawarkan program bahasa Melayu. Hasil kajian mendapati, Program pengajian bahasa Melayu dan linguistik Melayu masih relevan untuk ditawarkan dalam konteks pengajian di Malaysia berasaskan kepada empat perkara, iaitu kebolehpasaran graduan, kepopularan program Bahasa Melayu, pengantarabangsaan Bahasa Melayu dan pembangunan negara bangsa. Peredaran zaman termasuk Revolusi Industri ke-4 menuntut pemikiran dan reka bentuk semula pengajian tinggi terutamanya dalam cara kita mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru, Program Pengajian Melayu wajar melihat semula penawaran program agar lebih relevan dengan cabaran-cabaran baru yang muncul dalam menyediakan graduan yang mampu berfungsi dalam dunia akan datang.

Muhammad Haji Salleh dalam **Bab 8** yang bertajuk “Seorang Penyair Merenung Zaman” cuba menyatakan pandangan beliau tentang generasi Z dari sudut pandang beliau sebagai seorang penulis. Beliau tidak bersetuju dengan pembahagian generasi Z yang diberikan oleh para pengkaji sekarang kerana pembahagian generasi perlu dilihat dalam konteks bangsa, budaya dan tamadunya. Penulisan tersebut mengemukakan pengalaman dan sejarah beberapa negara seperti Eropah, Amerika, Vietnam dan kerajaan Melaka dengan memberikan analogi sungai dan tebing unuk menggambarkan kekuatan sesebuah bangsa. Justeru, pada pandangan beliau, pembahagian generasi yang dilakukan pada hari ini kurang mengambil kira hal-hal sejarah sesebuah bangsa. Selain itu juga beliau menyeru agar generasi Z mementingkan perjalanan sejarah dalam pembinaan jati diri setiap bangsa.

Kajian berkenaan karekter generasi Z dalam karya kesusasteraan pula dapat diteliti dalam **Bab 9** oleh Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Madiawati Mamat@Mustaffa dan Rohayati Junaidi yang bertajuk “Generasi Z dalam Novel Kanak-kanak Penulis Tunas Super”. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis karakter generasi Z dalam novel kanak-kanak *Penulis Tunas Super* yang diterbitkan oleh PTS Publishing House Sdn. Bhd. Beberapa buah novel kanak-kanak yang terpilih melalui program Penulis Tunas Super, iaitu P.A Eksklusif (2016), *Persahabatan Dunia Ratu Berlian* (2017), *Cik Diva Menari di London* (2017) dan *Ayahku Superhero* (2017) diteliti dengan konsep generasi Z yang dikemukakan oleh Mohamed Amin Embi (2016) & Muammar Ghaddafi Hanafiah, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Yusmilayati Yunos & Muhd Norizam Jamian (2017). Hasil penelitian ini didapati bahawa novel kanak-kanak terpilih mampu menterjemahkan karakter generasi Z. Generasi Z yang lahir dalam era perkembangan teknologi mengaplikasikan teknologi dalam urusan seharian. Selain mempengaruhi urusan seharian, perkembangan teknologi mempengaruhi karakter kanak-kanak.

Seterusnya **Bab 10** yang bertajuk “Rasa Insaniah dalam Cerpen-cerpen Generasi Z di Malaysia” ditulis oleh Ummi Hani Abu Hasan dan Raudah Hj. Siren pula menganalisis lebih mendalam rasa insaniah terhadap karya kesusasteraan Generasi Z. Kajian ini memberi tumpuan terhadap 18 buah cerpen karya Alumni Minggu Penulis Remaja 2016 dengan menggunakan Model Rasa Insaniah untuk mengenal pasti empat rasa kebaikan insan yang terdapat dalam karya, iaitu rasa takwa, rasa cinta, rasa syukur dan rasa simpati. Kajian mendapati sebanyak 17 buah cerpen daripada 18 buah cerpen yang dikaji menerapkan nilai rasa insaniah yang tinggi terutama rasa taqwa dan rasa syukur. Walaupun para penulis Generasi Z berhadapan dengan arus digital dan dunia tanpa sempadan, kesedaran rasa dalam diri mereka masih tinggi selagi menghayati agama Islam dan budaya Melayu.

Hubungan rapat generasi Z dengan penggunaan media sosial dapat diteliti melalui bab terakhir, iaitu **Bab 11** yang bertajuk “Media Sosial Dan Generasi Z” oleh Nur Yuhanis Mohd Nasir dan Maizira Abdul Majid. Kajian ini membincangkan hubungan antara media sosial dengan pengguna remaja khususnya dari kalangan Generasi Z, iaitu generasi pertama yang dibesarkan dengan telefon pintar; gajet yang memudahkan akses internet.

Perbincangan ini dibuat berdasarkan tinjauan literatur terhadap kajian-kajian yang berkaitan dengan memfokuskan kepada tiga pelantar media sosial iaitu *Instagram*, *Facebook* serta *YouTube* dan pengguna Generasi Z di media-media sosial tersebut. Secara amnya, penggunaan media sosial ini boleh dilihat dari sudut positif dan negatif, bergantung kepada cara bagaimana media sosial ini dimanfaatkan oleh pengguna.

Akhir kata, semoga buku **“GEN Z Tanggapan dan Pemikiran dalam Pengajian Melayu”** ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para pelajar, guru, pensyarah, penyelidik dari seluruh sekolah, dan universiti awam serta swasta sama ada di Malaysia, Brunei, Singapura, Indonesia, atau mereka yang dapat membaca dalam bahasa Melayu. Buku ini dapat memberi pencerahan dan kefahaman yang jelas tentang Generasi Z khususnya dalam bahasa, sastera dan seni. Semoga buku ini dapat memberi sumbangan kepada pertambahan kepustakaan ilmu dalam bidang Pengajian Melayu, khususnya dalam persoalan mengenai Pengajian Melayu dan Generasi Z.

Sekian.

EDITOR

Prof. Madya Dr. Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali

Dr. Madiawati Mamat@Mustaffa

Dr. Maizira Abdul Majid

Akademi Pengajian Melayu

Universiti Malaya, Kuala Lumpur

2022

BAB 1

PEMIKIRAN GENERASI Z DALAM *KUMPULAN* *CERPEN KIMCHI* ANTOLOGI CERPEN MAHASISWA

Eizah Mat Hussain
Nur Hamizah Hashim
Asbah Razali

Pengenalan

Kemunculan genre cerpen sangat penting dalam membantu membangunkan perkembangan dunia sastera tidak dapat dipertikaikan lagi. Hal ini disebabkan oleh, cerpen sedikit sebanyak membantu masyarakat umum dalam pelbagai aspek seperti pembangunan minda, kerohanian, pengajaran hidup dan gambaran masyarakat ketika karya dihasilkan. Menurut Jumali Selamat (2009), sesebuah karya dihasilkan adalah daripada rangkuman fikiran pengarang yang diluahkan secara bertulis atau lisan yang berkaitan dengan kepelbagaian kehidupan manusia dan juga alam yang diadun sehati bersama pengalaman lalu dihiasi dengan imaginasi dan kreativiti. Kassim Ahmad (1988: 43) menyatakan bahawa sesebuah karya yang baik mempunyai beberapa ciri, iaitu:

- a. Menggambarkan jenis-jenis watak manusia yang benar dan mendalam.
- b. Menambahkan kesedaran manusia tentang keadaan masyarakatnya.
- c. Menolong manusia bersatu-padu untuk mengendalikan tugas-tugas sosialnya.
- d. Mendorong manusia melawan kejahatan dan memperjuangkan kebajikan.
- e. Menggambarkan manusia dan masyarakat dengan menggunakan cara kreatif yang baik.

Dalam bidang penulisan cerpen, generasi Z juga tidak ketinggalan menghasilkan cerpen mereka hasil pengalaman daripada pembacaan mahupun pengalaman sendiri dalam kehidupan. Idea-idea yang timbul digarapkan dalam karya sebagai luahan perasaan atau ketidakpuasan hati terhadap sesuatu perkara. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui penulisan cerpenlah generasi Z boleh menyampaikan suara mengenai isu-isu yang berkaitan. Tambahan pula, karya seperti cerpen merupakan sebuah alat untuk meluahkan ekspresi dan berimaginasi mengenai pelbagai hal seperti percintaan, isu-isu semasa, masyarakat, sejarah dan sebagainya.

mengambil berat isu-isu yang berlaku dalam masyarakat. Mereka bukan sahaja generasi yang hanya mementingkan diri sendiri tetapi sebaliknya peka dengan perkara-perkara yang berlaku dalam persekitaran dan kehidupan sendiri, masyarakat dan luar negara. Malahan, melalui teks kajian ini, maka dapat diberikan gambaran secara ringkas mengenai pemikiran generasi Z yang ditemui dalam “Kimchi Antologi Cerpen Mahasiswa”.

Bibliografi

- A. Wahab Ali. (2009). Perkembangan cerpen Melayu: Dari cerita moyang ke *Dewan Sastera. Sari*, 27, 109-123.
- Arena Wati. (1995). *Cerpen: Pengalaman dan tanggapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (1986). *Bahasa dalam alam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Berita Harian Online. (25 Mei 2019). Buang bayi dalam tong sampah. Dicapai pada 15 Jun 2019 dari <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/05/567883/buang-bayi-dalam-tong-sampah>.
- Ezzah' Afifah & Che Ibrahim. (2015.) Pemikiran Melayu dalam cerita lipur lara. *Journal of Business and Social Development*. 3 (2): 63-79.
- Habibah Alias & Rahil Mahyudin. (1990). *Psikologi pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad. (2004). Bahasa Melayu dan minda Melayu: Suatu tinjauan kritis. *Jurnal Melayu*, 1, 19-51.
- Jais Sahak. (2008). *Penulisan cereka cerpen*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jumali Selamat. (2009). Aplikasi teori Pengkaedahan Melayu dalam Menjeras Ribut menerusi Pendekatan Dakwah. *Jurnal Pesonalia Pelajar*, (12), 19-37.

- Kassim Ahmad. (1988). Teori dan prinsip-prinsip kritikan sastera. Dlm. *Konsep dan pendekatan sastera*. Hamzah Hamdani (penyelenggara). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kimchi Antologi Cerpen Mahasiswa. (2017). Kuala Lumpur: Gallery Bookstore Sdn. Bhd.
- Maimunah Omar. (1992). *Panduan menganalisa aspek-aspek di dalam cereka: Penganalisisan novel Saudagar besar dari Kuala Lumpur karya Keris Mas*. Shah Alam: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Mohd Yusof Hassan. (2007). *Teori pendidikan pemikiran global*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Oblinger, D.G. & Oblinger, J.L. (2005.) Is li age or it: First steps toward understanding the net generation, in educating the net generation. Retrieved from <http://www.educause.edu/educatingthenetgen/>.
- Othman Puteh. (1983). *Cerpen-cerpen Melayu selepas perang dunia kedua: Suatu kajian dari segi tema dan struktur*.
- Othman Puteh. (1991). *Persediaan menulis cerpen*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Othman Kelantan. (1997). *Pemikiran satira dalam novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Seemiller, C. & Grace, M. (2016). *Generation Z goes to college*. California: John Wiley & Sons. Inc.
- Siti Mahani Muhazir & Nazlinda Ismail. (2015). Artikel psikologi: Generasi Z. Retrieved from <http://docs.jp.gov.my/docs/pelbagai/Artikel>.
- Taspcott, Don (2008). *Grown up digital: How the net generation is changing your world*. McGraw-Hill.

Utusan Online. (11 April 2019). Palestin tetap jadi mangsa. Dicapai pada 15 Jun 2019 dari <https://www.utusan.com.my/berita/luar-negara/palestin-tetap-jadi-mangsa-1.880173>.

Zainal Kling. (1989). *Pemikiran sosiopolitik Melayu II*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

BAB 2

HUBUNGAN ISLAM DALAM PENDIDIKAN DENGAN GENERASI Z DAN KARYA SASTERA MELAYU

Kamariah Kamarudin

Pengenalan

Dalam menelusuri kehidupan, terdapat beberapa perkara yang perlu diberikan keutamaan dalam merealisasikan keharmonian dan kesejahteraan. Salah satu daripadanya ialah pendidikan yang dapat membangunkan peradaban. Hal ini dikatakan demikian kerana menerusi pendidikan dapat membentuk keperibadian seseorang manusia di muka bumi ini. Malahan dalam institusi kekeluargaan, pendidikan merupakan tunjang dalam membangunkan sahsiah anak-anak yang akhirnya dapat membentuk kemaslahatan dalam masyarakat. Keadaan ini menjadi lebih penting apabila gelombang generasi Z yang mula mengasak dunia dan masyarakat hari ini. Umum mengetahui bahawa generasi Z ini merupakan kelompok anak-anak yang dilahirkan pada era tahun 1995-2010 yang kehidupannya terlalu bergantung kepada teknologi kerana sejak lahir telah didedahkan dengan laman sosial. Seperkara tentang golongan generasi Z ini bahawa mereka seakan-akan meminggir kehidupan yang dijalani oleh generasi terdahulu sekiranya tidak diberikan perhatian yang sewajarnya lantaran terpengaruh dengan ketaksuban sains dan teknologi yang mereka geluti saban hari.

Justeru, falsafah pendidikan Islam merupakan suatu usaha yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi membentuk sebuah kesatuan dalam pendidikan. Hal ini sebagaimana ungkapan berikut: “Pendidikan Islam adalah satu usaha yang berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran, dan penghayatan berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah, bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar, negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan akhirat.” Hal ini sejajar dengan Falsafah Pendidikan Guru pula yang perlu dipasakkan dalam diri pendidik iaitu “Guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu dan memelihara satu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin.” Malahan hal ini diselaraskan pula dengan Falsafah Pendidikan Negara iaitu “Pendidikan di Malaysia adalah

Bibliografi

- Ab. Halim Tamuri & Nur Hanani Hussin. (2017). Cabaran pendidikan Islam di era media sosial dlm. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education* Vol. 1, No. 2 (2017), 37-43.
- Abdul Hafiz Mat Tuah & Zakaria Stapa. (2013). Pendidikan Islam dalam membentuk asas jati diri sebagai modal insan yang cemerlang dlm. *Pendidikan Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan Sektor Pengajian Tinggi* 2013.
- Abdullah Nasih Ulwan. (2015). *Tarbiyatul Aulad Fil Islam Mencorak Peribadi Awal Anak*. Gombak: PTS Publishing House.
- Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman. (2008). *Falsafah pendidikan dan kurikulum*. Tanjong Malim: Quantum Books.
- Ahmad Atabik & Ahmad Burhanuddin. (2015). "Konsep Nasih Ulwan Tentang Pendidikan Anak". *Elementary Vol. 3. No. 3*, Julai-Disember.
- Ahmad Muzaffar Baharuddin. (2017). *Kuantum dalam Jemala*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd dan UTM Press Sdn. Bhd.
- Amer Hamzah L. Kadir. (2006). *Kembara Amira*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Amer Hamzah L. Kadir. (2010). *Kala Yuda*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Amir Husaini. (2012). *Detik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Asnuurien Najma Ahmad & Azlin Nurhaini Mansor. (2013). "Pengaruh personaliti guru pendidikan Islam terhadap pembentukan peribadi murid" dlm. *Regional Conference on School Structure and Teacher Competence, Duties & Characte*, ReCSTeC 2013, 27th - 28th June 2013, Equatorial Hotel, Bangi, Selangor, Malaysia, 212-218

- Azida Ishak dan Fadli al-Akiti. (2015). *Leksikon Ledang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd dan Penerbit UTM Press Sdn. Bhd.
- Hartini Hamzah. (2009). *Melunas rindu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Wikipedia Ensiklopedia Bebas. (2020). Syair perahu. Dicapai pada 15 Jun 2019 dari https://ms.wikipedia.org/wiki/Syair_Perahu.
- Husna Nazri. (2015.) *Kudup hijau tropika*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Husna Nazri. (2016). *Nyanyian musim rusuh*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Husna Nazri. (2016). *Kumpulan Cerpen Mawar Cinta Ayuni*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Husna Nazri. (2017). *Pewaris samudera*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ibn Khaldun. (2005). *Mukadimah* (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamiah Manap, Mohd Rezal Hamzah, Aizan Sofia Amin, Nurul Nabila Mohd Izani, Fazilah Idris, Salasiah Hanin Hamjah, Noordeyana Tambi, Arena Che Kasim, Norul Huda Sarnon, Salina Nen & Nor Jana Saim. (2016). "Penggunaan dan Implikasi Media Sosial Terhadap Remaja Generasi Z", *International Conference On Social and Economic Development (Icsed)* 2016, 1-3 November 2016, Universiti Malaysia Terengganu.
- Kamariah Kamarudin. (2011). *Takmilah dalam novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamariah Kamarudin, Tengku Intan Marlina Tengku Mohamad Ali & Mawar Safei. (2017). *Takmilah, Semiotik dan Intertekstualiti dalam karya sastera Melayu*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Mahmood Nazar. (2005). *Psikologi perkembangan kanak-kanak dalam pengantar psikologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Hamdan Abdullah, Fariza Md Sham & A'dawiyah Ismail. (2018). "Pendekatan motivasi dalam dakwah remaja". *Jurnal Hadhari* 10 (1). Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 77-79.
- Mujamil Qomar. (2005). *Epistemologi pendidikan Islam: Dari metode rasional hingga metode kritik*. Jakarta: Erlangga.
- Mustafa Haji Daud. (1989). *Institusi kekeluargaan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nazri Hussein. (2014). *Kumpulan cerpen konflik di hati Enrique*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Nazri Hussein. (2015). *Kumpulan puisi pelamin mahabbah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Nazri Hussein. (2015). *Kumpulan cerpen cahaya pelita nurani*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Nazri Hussein. (2016). *Kumpulan Cerpen Obsesi Cintamu, Zulaikha*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Nazri Hussein. (2019). *Kumpulan puisi membelah bijaksana*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Nizar Parman. (2009). *Silir Daksina*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Norsaleha Mohd Salleh. (2018). "Liberalisme dalam pemikiran belia di media Sosial". FAUDUNA: *Jurnal Kajian Keagamaan dan Kemasyarakatan*, ejournal.iainbukittinggi.ac.id, 165-175.
- Ruhaini Matdarin. (2009). *Jendela menghadap jalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Siti Mahani binti Muhazir & Nazlinda binti Ismail. (2015). "Generasi

Z: Tenaga kerja baru dan cabarannya”, Dicapai pada 15 Jun 2019 dari http://docs.ipa.gov.my/docs/pelbagai/Artikel/2015/Generasi_Z.pdf pada 15 Ogos 2019.

Sri Rahayu Mohd. Yusop. (2008). *Warisnya kalbu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Sri Rahayu Mohd. Yusop. (2009). *Kasih nan agung*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Sri Rahayu Mohd. Yusop. (2010). *Impuls/Roh*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Sri Rahayu Mohd. Yusop. (2011). *Bimasakti menari*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Sri Rahayu Mohd. Yusop. (2012). *Equilibria*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Sri Rahayu Mohd. Yusop, (2015). *Transgenik sifar*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn. Bhd & UTM Press.

Sri Rahayu Mohd. Yusop. (2016). *Qalam kalbu*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku & Malaysia.

Sri Rahayu Mohd. Yusop. (2016). *Empunya kalbu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Sri Rahayu Mohd. Yusop. (2019). *Selendang merah Balukhali*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Ruzaini Yahaya. (2010.) *Tawanan komander Caucasus*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Que Lyana Shuhaimi, 2011. *Sajak Amin*. Kuala Lumpur: Ana Muslim Sdn. Bhd.

Syed Muhammad Qutb. (992). “Peranan agama dalam pendidikan” dlm. Syed Muhammad al-Naquib al-Attas. *Tujuan dan Objektif pendidikan Islam*. (Terj.) Samsudin Jaapar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada pengertian al-Quran. (2010).
Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Taspcott, Don. (2008). *Grown up uigital: How the net generation is changing your world.* McGraw-Hill.

BAB 3

KELANGSUNGAN SASTERA ELEKTRONIK DALAM GENERASI Z

*Madiawati Mamat@Mustafa
Rohayati Junaidi*

Pengenalan

Kelangsungan kesusasteraan elektronik dilihat sejak kemajuan dan perkembangan teknologi turut memberi tempias terhadap dunia sastera tanah air. Kerancangan karya sastera elektronik di Malaysia bermula pada tahun 2002 dengan pelancaran laman sesawang E-Sastera dan diikuti dengan laman sesawang yang lain antaranya seperti Pustakamaya.net, Melayu.com dan Karyanet.com.my yang menjadi platform penggiat sastera berkarya dalam talian. Usaha yang dilakukan ini selari dengan perkembangan teknologi yang semakin pesat sekali gus menarik minat generasi Z (generasi net) yang lahir dan membesar dalam arus kemajuan teknologi.

Generasi Z atau dikenali juga sebagai generasi net merupakan kanak-kanak yang lahir antara sekitar 1998 hingga 2010 iaitu generasi yang lahir dalam kepesatan teknologi dunia yang sedang berkembang maju. Siti Mahani & Nazlinda (2015: 5), menjelaskan bahawa generasi Z sebagai generasi digital atau generasi teknologi lebih kepada penggunaan *gadget* dalam kehidupan seharian mereka. Mereka agak lemah dari sudut ekspresi, komunikasi lisan, keyakinan dan kemahiran interpersonal. Oleh yang demikian, dalam menghasilkan karya sastera yang menepati cita rasa generasi Z, sifat-sifat generasi Z harus dijadikan panduan utama dalam menghasilkan karya sastera.

Penerbitan buku-buku digital bermula sejak awal lagi, sekitar tahun 1971 apabila Michael Hart mendigitalkan buku-buku dalam projek yang bernama *Project Gutenberg*. Bidang kesusasteraan juga telah mengambil tempat dalam perkembangan teknologi maklumat dengan adanya karya-karya yang berbentuk digital yang menggunakan platform elektronik sebagai ruangan berkomunikasi dengan khalayaknya. Perkembangan sastera elektronik pada peringkat awal boleh dilihat dengan tertubuhnya *The Electronic Literature Organization* (ELO) pada tahun 1999 di Chicago yang mewujudkan fiksyen sastera berasaskan elektronik. Manakala di Malaysia perkembangan sastera elektronik dapat dilihat dengan tertubuhnya portal e-sastera.com pada 2002 yang menyebarkan aktiviti dan karya sastera dalam dunia digital. Perkembangan

satu bentuk seni memaparkan dokumen bangsa secara kreatif. Jelaslah, penghasilan karya sastera elektronik perlu dipergiatkan dan dilihat semula kerana mampu menarik minat membaca generasi Z. Penggunaan elemen multimedia dalam penghasilan sastera elektronik selari dengan kecenderungan generasi Z yang meminati pembelajaran secara visual dan membesar bersama-sama kepesatan teknologi.

Bibliografi

- Arif Hidayat. (2009). Pembelajaran sastra di sekolah. *Jurnal Pendidikan Alternatif Pendidikan. INSANIA*, Vol. 14 (2), 221-230. Dicapai pada 17 Jun 2019 dari <file:///C:/Users/Administrator/Downloads/327-Article%20Text-633-1-10-20150304.pdf>.
- De Jong, M., & Bus, A. (2003). *How well suited are electronic books to supporting literacy?* *Journal of Early Childhood Literacy*, 3(2), 147-164.
- Eliza T. Dresang. (1977). Influence of the Digital Environment on Literature for Youth: Radical Change in the Handheld Book. *Library Trends*, Vol. 45 (4), 639-663.
- Hidayati Harfin & Amal Akbar. Reprintasi generasi Z pada novel Taman Sunyi Sekala karya Aida Vyasa. Dicapai pada 13 Jun 2019 dari [File:///C:/Users/User/Downloads/Representasi%20generasi%20z%20pada%20novel%20taman%20sunyi%20sekala%20\(1\).Pdf](File:///C:/Users/User/Downloads/Representasi%20generasi%20z%20pada%20novel%20taman%20sunyi%20sekala%20(1).Pdf).
- Madiawati Mustaffa & Nur Yuhani Mohd Nasir. (2018). Perkembangan kesusasteraan Kanak-kanak dari bercetak ke digital dlm proses kreatif keterlibatan dan pemasaran digital. Sohaimi Abdul Aziz dan Muhammad Nur Saiful Ghazali (ed). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Negara.
- Mawar Safei. (2017). Kesusasteraan Melayu dalam era generasi Z. SEBAHTERA 2017 Seminar Bahasa, Sastera dan Budaya

Melayu. Transformasi Pengajian Melayu dalam Era Generasi Z. (pp.8-12). 27 September 2017, Dewan Semarak Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Mohamed Amin Embi. (2016). *Pemikiran dan Reka Bentuk Semula Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muammar Ghaddafi Hanafiah, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Yusmilayati Yunos & Muhd Norizam Jamian. (2017). Etos Melayu dalam pembentukan generasi Z. SEBAHTERA 2017 Seminar Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu. Transformasi Pengajian Melayu dalam Era Generasi Z. (pp.34-39). 27 September 2017, Dewan Semarak Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Muhammad Faisal Ashaari, Mohd Firdaus Hamzah, Lily Yaakub & Rosmawati Mohamad Rasit. (2018). Tarikan terhadap buku indie dalam kalangan pembaca muda di Malaysia. *Islamiyyat*, 40 (2), 169-178.

Muhammad Haji Salleh (2004). Sastera di ambang globalisasi” Dlm. ilmu kesusasteraan abad ke 21. Jelani Harun (ed). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Nor Hasimah Ismail & Melor Fauzita Mohd Yusoff. (2016). Karya Indie: Revolusi penulis generasi baru. International Seminar on Generating Knowledge Through Research, 25-27 Oktober 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia.

Oblinger, D.G. & Oblinger, J.L. 2005. Is Li Age or IT: First steps toward understanding the net generation, in educating the net generation. Diana G. Oblinger & James L. Oblinger. Dicapai pada 14 Jun 2019 dari <http://www.educause.edu/educatingthenetgen/>.

Rosmani Omar & Siti Ezaleila Mustafa. (2017). Buku digital interaktif kanak-kanak di Malaysia: Platform untuk penerbit

mengupayakan pembangunan kandungan kreatif negara. *International Journal of Education, Psychology and Caunseling*, 2 (6), 183-201.

Siti Mahani Muhazir & Nazlinda Ismail. (2015). Generasi Z: Tenaga kerja baru dan cabarannya. Retrieved from http://docs.jpa.gov.my/docs/pelbagai/Artikel/2015/Generasi_Z.pdf.

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Madiawati Mamat @ Mustaffa, Nurhamizah Hashim & Eizah Mat Hussain. (2017). Kehendak Generasi Z dalam Cerpen Terbaik 2016 Terbitan Fixi. SEBAHTERA 2017 Seminar Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu. Transformasi Pengajian Melayu dalam Era Generasi Z. (pp. 28-33). 27 September 2017, Dewan Semarak Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

BAB 4

INTERAKSI SIMBOLIK DALAM KOMUNIKASI GENERASI Z MELALUI FILEM MELAYU TERPILIH

*Maizira Abdul Majid
Nur Yuhanis Mohd Nasir*

Oleh itu, pengkaji merujuk kepada beberapa ciri dan perwatakan Gen Z menurut pandangan tokoh-tokoh yang telah membuat kajian terdahulu terhadap golongan ini. Ciri-ciri itu adalah seperti berikut:

1. Dilahirkan antara tahun 1995 dan 2009.
2. Dilahirkan ke dunia pengkomputeran.
3. Mahir menggunakan perisian komputer dan media sosial.
4. Memanfaatkan teknologi semasa untuk mendapatkan maklumat atau mensosialisasi.

Kerangka Teoretikal Kajian

Teori Interaksi Simbolik

Teori interaksi simbolik dihubungkan dengan beberapa orang tokoh termasuk George Herbert Mead, Charles Cooley, W.I Thomas, Herbert Blumer dan Erving Goffman. Teori ini pada asasnya menumpukan perhatian terhadap tindakan, tingkah laku manusia dalam interaksi sosial, cara manusia bertindak balas dan mempengaruhi satu sama lain dalam kelompok ataupun dalam perhubungan bersemuka (*face-to-face communication*). Tindakan, tingkah laku serta tindak balas dalam interaksi sosial dihubungkan dengan simbol-simbol dan makna tertentu yang dipelajari dan yang diterapkan dalam proses sosialisasi.

Fokus teori interaksi simbolik adalah ke atas cara individu dicorakkan oleh masyarakat. Teori ini menumpukan perhatian ke atas cara manusia mentafsir serta mengolah hidup mereka dalam masyarakat. Tegasnya, teori ini memberikan penekanan kepada makna subjektif (*subjective meaning*) perlakuan manusia dan juga kepada proses perkembangan makna tersebut sehingga makna itu dapat dikongsi bersama anggota masyarakat. Oleh itu, nama teori ini lahir daripada hakikat bahawa mengkaji makna simbolik atau makna subjektif bagi setiap interaksi manusia dalam masyarakat.

Herbert Blumer (1969) mengatakan apabila mengkaji masyarakat dengan menggunakan teori interaksi simbolik, seseorang itu akan bermula dengan tiga premis atau landasan berikut:

situasi masyarakat pada zaman-zaman tertentu supaya dapat dilihat semula oleh masyarakat baharu pada masa akan datang. Justeru, pengarah filem memikul tanggungjawab dan amanah yang berat untuk mendidik dan mendedahkan masyarakat kepada realiti kehidupan yang sedang berlaku pada hari ini.

Bibliografi

Amir Affendy Mohd. (2000). "P.Ramlee dan sumbangannya dalam memartabatkan nilai-nilai norma dan keagamaan masyarakat Melayu: Kajian terhadap filem lakonan dan arahan seniman agung". Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Barrie Gunter, et al. (2009). *The google generation: Are ICT innovations changing information-seeking behaviour?* United Kingdom: Chandos Publishing.

Blumer, H. (1969). *Symbolic interactionism: Perspective and method*. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hall.

Hassan Muthalib dan Ramchandran Ponnai. (2017). *The Films of P. Ramlee: Cinematic depictions and reflections on identity, community and morality*. 1-20. Dicapai pada 10 Jun 2019 dari <https://bit.ly/2GV47ez> pada 25 Februari 2019.

Kim Gale Dolgin. (2011). *The adolescent: Development, relationships and culture*. United States of America: Pearson.

Jamilah Samian dan Ahmad Fakhri Hamzah. (2011). *Tips Groovi mendidik generasi Y dan Z*. Kuala Lumpur: MyriadVentures.

Merlyn Canoy Bahian. (2012). *Reflection on generation Z*. Dicapai pada 1 Julai 2019 dari https://www.academia.edu/31656390/Generation_z.

Michael Kennedy. (2010). *The global positioning system and ArcGIS: Third Edition*. United States of America: CRC Press.

- Noran Fauziah Yaakub. (1987). *Pengantar sosiologi*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Nor Azini Binti Harun. (2003). "*Filem dan masyarakat Melayu: Satu kajian sejarah dari tahun 1940-an hingga 1960-an*". Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sejarah. Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Rahimah Binti Jusoh. (2012). "*Analisis kesopanan berbahasa dalam Filem Labu-Labi*". Kertas Kerja Sarjana Jabatan Bahasa Melayu. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Rohani Hashim, 2015. *Sinema dan masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Sarizah Md Ismail. (2012). "*Analisis kesantunan berbahasa dalam Filem Animasi Upin & Ipin: Geng Pengembaraan Bermula*". Latihan Ilmiah Sarjana Muda Bahasa Melayu. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- S. H. (2017). *How generaton "Z" learns better? European Journal of Social Sciences*, 11(2), 379-389. Dicapai pada 1 Julai 2019 dari <https://bit.ly/2W3EyMa>.
- Suppamal A/P Athimoslam @ Athimulam. (2002). "Pengaruh filem Melayu di kalangan masyarakat Melayu". Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sosiobudaya Melayu. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

BAB 5

SEORANG PENYAIR MERENUNG ZAMAN

Muhammad Haji Salleh

Pengenalan

Kata Plato dalam *Cratylus*, "... waktu itu bagai sebatang sungai, *Everything flows and nothing stays*. Semuanya mengalir dan tiada yang tersisa."

Sering kita berdayung di atas permukaannya dan mengalir bersamanya ke kuala. Walaupun metafora sungai ini cantik dan seperti benar-benar berlaku tetapi apakah ada juga yang tidak mengalir? Pulau dan bukit batu di tengah-tengahnya mungkin dihakis tapi tidak bergerak? Atau pasir di tanjung yang sudah lama menjadi penempatan manusia? Maka ada yang mengalir, dan ada pula yang tidak—gambaran ini lebih dekat kepada kenyataan sebenar.

Merengung Zaman

Pada usia tua kita sudah pun memanjat ke tebing untuk memerhatikan apa yang telah kita lalui dan sementara itu memerhatikan pendayung di air yang sedang mengalir itu. Inilah saya di tebing memerhatikan aliran sungai dulu dan sekarang dan membayangkan masa hadapannya.

Saya kurang bersetuju dengan pembahagian generasi yang dibuat beberapa dekad ini-kepada *baby boomers*, *millenials* dan X serta Y. Walaupun cantik dan kemas seperti metafora, sungai menurut Plato itu sebenarnya serebeh, tidak mudah dikategorikan dan harus dilihat dalam konteks bangsa, budaya dan tamadunnya.

Yang jelas ialah pembahagian itu didasarkan pengalaman Eropah dan Amerika dan peristiwa penting di kedua-dua benua itu. Pengalaman kita sangat berlainan dengannya. Yang traumatis kepada mereka seperti Perang Dunia I tidak menggegarkan atau mengesani kita di sini. Demikiannya 'Perang Dingin,' di sana tidak sangat memberi kesan kepada penduduk Asia. Jadi, gegar di sana belum tentu menjadi sama kuatnya di sini.

Tetapi pada bangsa Vietnam, peperangan yang melanda mereka dan membunuh ratusan ribu manusia sangat melukakan mereka.

Bibliografi

- Mawar Safei. (2017). Kesusasteraan Melayu dalam era generasi Z. SEBAHTERA 2017 Seminar Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu. Transformasi Pengajian Melayu dalam Era Generasi Z. (hlm. 8-12). 27 September 2017, Dewan Semarak Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Muhammad Haji Salleh (2004). Sastera di ambang globalisasi” Dlm. Jelani Harun (ed.), *Ilmu kesusasteraan abad ke-21*. Minden, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- A.D. Hope. (1979). *The new cratylus: Notes on the craft of poetry*. Melbourne: Oxford University Press.
- Siti Hawa Salleh. (2012). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- W.G. Shellabear. (1975). *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

BAB 6

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KURSUS PENULISAN KESUSASTERAAN REMAJA DALAM GENERASI Z

*Nurhamizah Hashim
Eizah Mat Hussain
Asbah Razali*

Pengenalan

